

12/03/1999

Mahathir berucap menerusi telefon

RANAU, Khamis - Hujan dan kabus tebal di kawasan Banjaran Crocker menyebabkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa membatalkan lawatannya ke sini bagi menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat, petang ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tetap tidak menghampakan 6,000 orang yang berkumpul pada majlis itu apabila menyampaikan 'ucapan' menerusi telefon ke studio RTM Kota Kinabalu yang kemudian diperdengarkan secara terus kepada hadirin menerusi sistem pembesar suara.

Sambil meminta maaf kerana tidak dapat datang ke Ranau, Dr Mahathir berkata helikopter yang dinaikinya berlepas dari Kota Kinabalu jam 2 petang tetapi berpatah balik akibat cuaca buruk selepas 20 minit penerbangan.

Berikutan itu, persiapan dibuat untuk membolehkan Perdana Menteri 'berucap' kepada orang ramai yang tidak berganjak dari tempat perhimpunan di tapak tamu mingguan pekan Ranau di sini.

Dalam ucapannya yang dipancarkan secara langsung selama kira-kira 20 minit mulai jam 4.05 petang itu, Dr Mahathir berkata seorang pemimpin dari Sabah akan dilantik menganggotai Kabinet Persekutuan untuk menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Datuk Chong Kah Kiat.

Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) melepaskan jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1 Mac lalu, untuk bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kudat.

Dr Mahathir berkata, dengan pelantikan itu bermakna Sabah mempunyai dua menteri dalam Kabinet Persekutuan. Seorang lagi ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam.

"Ini adalah satu yang membanggakan bagi rakyat Sabah kerana ada negeri di Semenanjung yang tiada seorang pun menteri dalam Kabinet sedangkan mereka sama-sama menyumbang kepada negara," katanya.

Beliau berkata Sabah tidak disisihkan oleh Kerajaan Persekutuan, malah dari segi peruntukan dan pembangunan sudah banyak yang berjaya disalurkan.

Kata Perdana Menteri, jika Barisan Nasional (BN) terus memerintah Sabah, sudah tentu agenda yang dirancang dapat diteruskan dan pembangunan akan berjalan lebih lancar.

Sehubungan itu, beliau membidas parti pembangkang khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyebarkan pelbagai dakwaan memburukkan kerajaan serta pemimpin BN.

"Banyak tuduhan dilemparkan terhadap BN konon pemimpin dari Semenanjung datang untuk mengambil tanah. Saya sendiri kononnya diberi tanah di Keningau ... ini satu fitnah, saya tidak dapat apapun di Sabah.

"Jika PBS mempunyai bukti, sila buat kenyataan secara terbuka. Jangan secara sembunyi," katanya.

Sambil menyifatkan dakwaan itu sebagai taktik memancing undi, Dr Mahathir berkata banyak lagi tuduhan tidak baik dibuat PBS untuk menimbulkan kebencian rakyat Sabah terutama orang Kadazandusun terhadap kaum lain dan orang dari Semenanjung.

Beliau berkata tuduhan itu dibuat PBS dengan harapan mereka akan beroleh kemenangan. Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin rakyat Sabah tidak mudah diperdaya dengan taktik sedemikian.

Dr Mahathir turut mempertahankan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah adalah mekanisme berkesan menstabilkan politik.

Katanya, sepanjang BN memerintah Sabah sejak 1994, sudah tiga kali Ketua Menteri bertukar dan pembangunan berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

"PBS mendakwa sistem ini tidak baik. Sebenarnya mereka mahu mereka saja memerintah. Kalau PBS memang, tentu Datuk Pairin (Joseph Pairin Kitingan) akan menjadi Ketua Menteri selama-lamanya.

"Tetapi dalam BN kita sedia berkongsi kuasa dengan semua orang supaya kepentingan semua kaum dapat diambil kira dalam pembangunan," katanya.

(END)